



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MENCEGAH WABAK COVID 19 TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

4 Jun 2021 / 23 Syawal 1442

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدٰى وَالدِّينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلٰى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا آيُهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوْصِنُكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ<sup>3</sup> وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى:

إِنَّ الَّذِينَ عَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلاً<sup>4</sup>

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Kami tidak akan mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya,” (Surah Al-Kahfi ayat 30)

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah Nya dan meninggalkan segala tegahan Nya. Mudah-mudahan kita dilimpahi kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Mencegah Wabak Covid-19 Tanggungjawab Bersama**”

Islam menyediakan manual kehidupan, memandu manusia ke arah kesejahteraan. Manual ini mengandungi pedoman untuk dijadikan kompas membantu manusia menemui kesejahteraan. Islam menghubungkan agama dengan realiti kehidupan; sesungguhnya agama dan kehidupan tidak boleh dipisahkan. Agama mendidik kita memenuhi tanggungjawab kepada Allah, tanggungjawab kepada diri sendiri, serta tanggungjawab kepada anggota keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَرَّ رَجُلٌ بِغُصْنٍ شَجَرَةٍ عَلٰى ظَهَرِ طَرِيقٍ، فَقَالَ: وَاللّٰهِ لَا نَحْيَنَ هَذَا عَنِ الْمُسْلِمِينَ  
لَا يُؤْذِيهِمْ فَأَدْخِلْ جَنَّةً.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran



Maksudnya: Seorang lelaki bertemu dahan pokok yang menghalang sebuah jalan. Dia berkata, ‘Demi Allah, aku akan membuang dahan ini agar tidak menyusahkan kaum Muslimin.’ Berkat amalannya itu, dia dimasukkan ke dalam Syurga.”

(Hadith riwayat Muslim 1914)

### **Muslimin yang dimuliakan Allah,**

Ketika melihat perkara yang boleh memudarangkan orang ramai, lelaki tersebut tidak berpeluk tubuh; di sebaliknya tanpa perlu diberikan arahan oleh sesiapa, atas rasa kesedaran, beliau dengan ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa balasan, mengambil tanggungjawab kemasyarakatan, melakukan satu usaha baik demi memastikan keselamatan orang ramai. Perbuatan lelaki tersebut, mengalah dahan berduri yang merintangi jalan, dianggap amal makruf yang besar di sisi Allah, lalu beliau dianugerahkan ganjaran syurga.

Kisah ini, hendaklah dijadikan contoh dan pengajaran, bahawa Islam amat menitikberatkan agar setiap insan bersedia menggalas tanggungjawab terhadap masyarakat, seperti yang terkandung dalam hadis-hadis Nabi SAW berkaitan adab dan etika hidup bermasyarakat, merangkumi melindungi nyawa dan keselamatan, memelihara alam sekitar, mengutamakan kesihatan, menjaga hak jiran tetangga, menghulurkan bantuan, menyebarkan ilmu dan pelbagai perkara lagi; perkara-perkara yang sangat difahami, dihayati dan diamalkan oleh generasi para sahabat Nabi SAW.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Sejak akhir tahun 2019, dunia telah dilanda wabak Covid-19 dan negara sedang menghadapi dugaan yang sangat berat lagi membebankan. Sehingga 2 Jun 2021, angka Kementerian Kesihatan Malaysia merekodkan terdapat 7,703 kes positif Covid-19, menjadikan jumlah kes positif seluruh negara mencapai 587,165 kes; 878 pesakit sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi, manakala 441 memerlukan alat bantuan pernafasan; 126 dicatatkan meninggal dunia akibat jangkitan virus Covid-19. Setiap hari bilangan kes positif dan angka kematian terus bertambah.

Perkara yang mendukacitakan kita, ialah sikap sebahagian rakyat yang ingkar dan tidak mematuhi prosedur operasi standard atau SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam hasrat dan usaha mahu membendung penularan wabak. Di negeri Perak, antara 12 Mei hingga 1 Jun 2021, sebanyak 1545 kompaun kesalahan ingkar SOP telah dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia melibatkan pelbagai jenis kesalahan. Perbuatan ingkar SOP, telah mengganggu, menjelaskan dan mengurangkan keberkesanan usaha untuk membendung penularan wabak.



Lebih mendukacitakan, apabila perbuatan ingkar SOP dilakukan oleh kumpulan atasan, kumpulan terpelajar, kumpulan berkedudukan dan berjawatan tinggi, menyalahgunakan status dengan memberikan pelbagai helah dan alasan yang direka cipta, mencerminkan akal budi, serta sifat tidak jujur dan sifat tidak bertanggungjawab dalam kalangan mereka.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengambil vaksin merupakan salah satu ikhtiar untuk meningkatkan kekebalan atau imuniti diri kita, ahli keluarga dan masyarakat daripada dijangkiti virus. Program vaksinasi telah diperkenalkan sejak 1 Mac 2021. Perbuatan mana-mana pihak secara perseorangan atau kumpulan, menakut-nakutkan rakyat terhadap vaksinasi merupakan perbuatan yang sangat tidak bertanggungjawab.

Mengakhiri khutbah pertama ini, mimbar menyeru para jemaah dan seluruh rakyat kepada saranan-saranan berikut:

**Pertama:** Membantu memutuskan rangkaian jangkitan agar dapat mengurangkan beban petugas kesihatan dan perubatan yang mengalami kepenatan, berada di barisan hadapan bekerja tanpa rehat, menggalas fardu kifayah untuk merawat para pesakit yang dijangkiti virus.

**Kedua:** Mematuhi prosedur operasi standard atau SOP untuk meringankan beban petugas barisan hadapan terdiri daripada anggota pasukan keselamatan dan agensi-agensi berkaitan, begitu juga penguat kuasa agama, pihak berkuasa tempatan, jabatan kebajikan dan pelbagai pihak lagi yang sedang menggalas tugas fardu kifayah untuk membendung penularan wabak dan membantu mereka yang sedang berada dalam kesusahan.

**Ketiga:** Mendaftarkan diri dan menghadirkan diri untuk vaksinasi serta mematuhi sepenuhnya giliran vaksinasi menurut yang dijadualkan.

**Keempat:** Meminta pihak-pihak berkuasa yang berkaitan untuk memudahkan urusan vaksinasi dengan menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan warga yang uzur dan warga yang berada di kawasan luar bandar.

**Kelima:** Memanjatkan doa dan memohon pertolongan Ilahi agar ancaman wabak ini segera berakhir. Yakinlah setiap langkah dan usaha yang dirintis, insya-Allah akan membawa kebaikan seperti yang dijanjikan Allah SWT, berpandukan ayat 10, surah az-Zumar:

إِنَّمَا يُؤْفَى الْأَصْيَرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ٦٠



Maksudnya: "... Sesungguhnya orang-orang yang bersabar, akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْفُرْقَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> وَكَفَى، وَأَصْلَى وَأَسْلَمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُضْطَفَى، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَهْلِ  
الْوَفَا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَاعِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُوئُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Dirikanlah solat ketika lapang mahupun sempit, sihat ataupun sakit. Walau sesibuk mana bekerja, janganlah sekali-kali melalaikan solat. Mudah-mudahan kita mendapat naungan dan kasih sayang Allah, di dunia mahupun di akhirat.

Bulan Syawal akan berakhir. Manfaatkanlah hari-hari yang berbaki untuk merebut ganjaran besar dengan berpuasa sunat 6 hari pada bulan Syawal.

Sama-sama kita angkatkan doa untuk saudara-saudara kita di serata dunia. Ramai saudara kita pada waktu ini sedang menghadapi penderitaan, tekanan dan situasi sangat menyedihkan. Semoga Allah SWT memakbulkan doa kita, seterusnya memelihara umat manusia seluruhnya daripada segala ancaman dan kemudaratan, insya-Allah. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوًا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ،  
وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرِ الْإِسْلَامَ  
وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي مِيَنْمَارَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ  
عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَبِرُّوسِ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan. Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴿ۚ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa Untuk Kaum Muslimin